



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - MDEC Kaji Lebih 200 TSP Bagi Sokong PKS Dalam Penggunaan Digital

☐ Isnin, Feb 17 2020☐ ☐

CYBERJAYA, 17 FEB -Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sedang mengkaji 200 aplikasi daripada penyedia penyelesaian teknologi (TSP) untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam penggunaan digital di bawah geran padanan untuk pendigitalan PKS.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Surina Shukri berkata kini terdapat sebanyak 42 TSP di bawah penyeliaan MDEC dan syarikat teknologi tempatan boleh mengemukakan permohonan mereka kepada MDEC untuk menjadi antara TSP sebelum 31 Mac.

"Peranan MDEC dalam inisiatif ini ialah memberi nasihat mengenai bidang pendigitalan dan terdapatnya TSP, serta mengenal pasti dan



melaksanakan usaha wajar terhadap potensi TSP yang akan menyokong PKS yang mengambil bahagian dalam geran pendigitalan," katanya.

Surina berkata demikian ketika ditemui selepas pelancaran geran padanan oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo.

Geran padanan itu disediakan melalui kerjasama strategik antara Bank Simpanan Nasional (BSN), SME Bank Group dan MDEC.

BSN adalah agensi utama yang menyalurkan geran padanan kepada PKS yang ingin meningkatkan penggunaan aplikasi digital dalam operasi perniagaan mereka dengan melanggan perkhidmatan digital daripada TSP.

Surina berkata MDEC akan menguruskan pengambilan TSP dan pendigitalan PKS akan membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka merentasi sempadan.

Beliau berkata inisiatif MDEC membantu PKS dengan memacu penggunaan teknologi digital dalam kalangan rakyat, membangunkan tenaga kerja dan kemahiran digital yang memenuhi keperluan industri, meningkatkan dan menggalakkan perniagaan digital serta meningkatkan pelaburan digital.

"Dalam usaha untuk menggalakkan usahawan PKS berkembang ke pasaran antarabangsa, kerajaan turut mewujudkan Zon Perdagangan Bebas Digital untuk menembusi pasaran global melalui platform e-perdagangan," katanya.

-- BERNAMA



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian



Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas



Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data